

20/08/2002

Korporat perlu galak ketelusan

MASYARAKAT korporat di negara ini perlu menilai tugas mereka dan menghasilkan garis panduan pengawal seliaan yang menggalakkan ketelusan.

Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir, berkata di samping itu, tugas pengarah bebas dalam sesebuah syarikat tersenarai juga perlu dikaji dengan lebih teliti.

Beliau berkata, pengarah syarikat mempunyai tanggungjawab untuk mengambil tahu dengan lebih mendalam kegiatan syarikat dan mempersoalkan kegiatan pengurusan syarikat.

"Pihak pengurusan pula perlu bersedia berdepan dengan semua soal siasat lembaga pengarah dan bukan cuba mengelakkannya.

Pemegang saham minoriti juga mesti membuat kajian mengenai syarikat yang dilabur dan belajar untuk mengemukakan pertanyaan kepada lembaga pengarah dan pihak pengurusan," katanya pada ucapan majlis perasmian Seminar Kebangsaan Mengenai Etika dan Integriti, di Kuala Lumpur, semalam.

Seminar sehari dengan tema 'Pengurusan Beretika dalam Sektor Awam dan Persendirian itu' adalah anjuran bersama Asli, Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan Persatuan untuk Ketelusan dan Integriti Kuala Lumpur (PKIKL).

Ia bertujuan menjadi landasan untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan etika dan ketelusan dan kepentingan untuk menerapkan amalan berkenaan dalam sektor awam dan persendirian.

Mirzan berkata, amalan ketelusan yang baik adalah sangat penting kerana keyakinan masyarakat adalah penyumbang utama kepada prestasi dan reputasi syarikat tersenarai serta sektor kerajaan.

"Bagaimanapun, dalam beberapa bulan kebelakangan ini beberapa kes besar membabitkan jenayah korporat di Amerika Syarikat (AS) menyebabkan keyakinan awam menurun secara mendadak.

"Di negara itu, 72 peratus rakyatnya percaya skandal perakaunan berkenaan bukanlah kes terasing kerana kebanyakan mereka percaya skandal itu menunjukkan aliran penipuan dalam kebanyakan syarikat," katanya.

Mirzan berkata, oleh kerana syarikat di Malaysia tidak terkecuali dari pandangan negatif itu, ia menyebabkan kerajaan berusaha menyelesaikan isu berkaitan rasuah dan memberi penerangan mengenai kepentingan amalan etika dalam sektor awam dan persendirian.

"Dari segi pelaksanaan, kerajaan boleh dikatakan sudah memainkan tugas untuk mewujudkan suasana amalan pentadbiran yang baik dan tahap etika yang tinggi.

"Bagaimanapun, masyarakat juga perlu bekerjasama untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana berkenaan," katanya.

Mirzan berkata, masyarakat perlu sedar yang mereka tidak boleh lagi menerima amalan tidak beretika walaupun kadang kala ia kelihatan seperti tidak mengganggu perkhidmatan yang mereka inginkan.